

ROSMALIZA BINTI MOHAMAD ROSLI

lwn

MOHD NAHAR BIN MOHD NASIR

[Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam di Negeri Selangor. Kes Mal Bil.: 10100-049-0757-2019
(YA Tuan Mohammad Khalid Bin Shaee @ Shaii, HMTS)

[15 Zulkaedah 1443H bersamaan 15 Jun 2022]

Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam – Bidang Kuasa Mahkamah Tinggi Syariah – Bitcoin Dituntut Sebagai Hutang Dalam Perkahwinan- Seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

Fakta Kes

- [1] Plaintiff, Rosmaliza binti Mohamad Rosli (No.K/P: **xxxxx**), yang beralamat di **xxxxx** yang menggunakan alamat pemastautinan di **xxxxx** adalah merupakan bekas isteri Defendant.
- [2] Defendant, Mohd Nahar bin Mohd Nasir (No.K/P: **xxxxx**) yang beralamat terakhir di **xxxxx** adalah merupakan bekas suami Plaintiff.
- [3] Plaintiff dan Defendant telah bernikah pada 5 November 2010 di Pahang dan telah bercerai tanpa kebenaran Mahkamah dengan talaq 1 secara rajie pada 28 Mei 2019 di Mahkamah Rendah Syariah Sepang melalui Saman No.: 10006-054-0392-2019.
- [4] Sepanjang tempoh perkahwinan, mereka telah dikurniakan dua (2) orang cahayamata iaitu:
 - 4.1 **MDMN** (No. Mykid: **xxxxx** – 11 tahun); dan
 - 4.2 **MAMN** (No. Mykid: **xxxxx** – 7 tahun).

- [5] Semasa perceraian, tiada sebarang perintah direkodkan berhubung tuntutan hutang dalam perkahwinan namun pada 8 Ogos 2019, Plaintiff telah memohon kepada Mahkamah yang Mulia ini untuk menuntut hutang dalam perkahwinan melalui Saman No. 10100-049-0757-2019 dan menuntut sebagaimana berikut:
- 5.1 Bahawa Mahkamah yang Mulia ini mengisyiharkan Bitcoin berjumlah 206.9967889 USD bersamaan dengan RM10,095,109.20 sebagai hutang perkahwinan di antara Plaintiff dan Defendan selari dengan seksyen 61 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;
- 5.2 Mahkamah yang Mulia ini memerintahkan Bitcoin berjumlah 206.9967889 USD bersamaan dengan RM10,095,109.20 dipulangkan semula ke dalam akaun Plaintiff;
- 5.3 Kos ditanggung oleh pihak-pihak; dan
- 5.4 Lain-lain perintah atau relief yang difikirkan adil dan suai manfaat oleh Mahkamah yang Mulia ini.
- [6] Pada 16 Disember 2019, Defendan telah memfailkan Penyataan Pembelaan dan Tuntutan Balas seterusnya Plaintiff telah memfailkan Jawapan Kepada Pembelaan dan Pembelaan Kepada Tuntutan Balas pada 17 Januari 2020 manakala Penyata Keterangan Plaintiff dan Ikatan Pliding pada 6 April 2021.
- [7] Seterusnya pada 18 November 2021, Mahkamah yang Mulia ini telah mengarahkan pihak-pihak untuk memfailkan penghujahan secara bertulis dan menetapkan tarikh sebutan berikutnya pada 9 Mac 2022. Plaintiff dan Defendan masing-masing telah memfailkan hujahan bertulis pada 22 Februari 2022 untuk Mahkamah yang Mulia ini mengenalpasti isu awal yang akan dibicarakan dan memutuskan sama ada bitcoin boleh dituntut sebagai hutang dalam perkahwinan atau sebaliknya. Kes ini seterusnya telah ditetapkan untuk keputusan pada 15 Jun 2022.

Diputuskan

MAHKAMAH setelah meneliti dan berpuas hati dengan semua kertas kausa dan hujahan **SERTA** sokongan ekshhibit-ekshhibit dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, **MAKA DENGAN INI MAHKAMAH MEMUTUSKAN DAN MEMERINTAHKAN** seperti yang berikut:

- (1) Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff, tuntuan balas Defendan dan membatalkan saman 10100-049-0757-2019.
- (2) Mahkamah perintahkan Kos Defendan ditanggung oleh Plaintiff.

Peguam Syarie

1. Plaintiff: *diwakili oleh Dato' Seri Haji Amlie bin Haji Embong daripada Tetuan Amlie & Associates.*
2. Defendan: *diwakili oleh Puan Aznor Suhaida binti Dollah daripada Tetuan Nur Hafiz & Associates.*

Surah al-Quran yang dirujuk

Tiada.

Undang-undang yang dirujuk

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003- s.61.

Artikel-artikel yang dirujuk

1. Bayan Linnas Siri Ke-153 : Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin.
2. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor – Hukum Matawang Kripto (Cryptocurrency) : Satu Analisa Syarak
3. Laman Web Bank Negara Malaysia – www.bnm.gov.my

Penghakiman YA Tuan Mohammad Khalid Bin Shaee @ Shaii, HMTS.

- [8] Pihak-pihak di dalam kes ini adalah bekas suami isteri yang telah bernikah pada 5 November 2010 dan telah bercerai pada 28 Mei 2019. Hasil perkahwinan pihak-pihak telah dikurniakan dengan dua (2) orang anak. Plaintiff berdasarkan Saman dan Penyataan Tuntutan bertarikh 10 September 2019 telah mengemukakan tuntutan Hutang Dalam Perkahwinan terhadap Defendan iaitu Bitcoin berjumlah 206.9967889 USD bersamaan dengan RM10,095,109.20.
- [9] Defendan di dalam Penyataan Pembelaan bertarikh 26 Disember 2019 tidak bersetuju dengan tuntutan tersebut dan telah membuat pembelaan bagi setiap tuntutan dan dakwaan Plaintiff dalam Penyataan Tuntutannya serta membuat tuntutan balas kepada Mahkamah Yang Mulia ini supaya Mahkamah Yang Mulia ini menolak segala tuntutan Plaintiff dengan kos.

Bidang kuasa Mahkamah

- [10] Mahkamah yang Mulia ini tidak berhasrat untuk mengulas dengan panjang tentang bidang kuasa Mahkamah ini dalam mendengar, membicarakan dan memutuskan kes hutang dalam perkahwinan. Mahkamah membuat rujukan kepada seksyen 61(3)(b)(ii) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 yang jelas menunjukkan bahawa Mahkamah yang Mulia ini adalah Mahkamah yang berbidang kuasa kompeten untuk mendengar, membicarakan dan memutuskan kes hutang dalam perkahwinan di Negeri Selangor. Plaintiff dan Defendan juga bersetuju dalam hujahan bertulis masing-masing berkaitan bidang kuasa Mahkamah yang Mulia ini.
- [11] Mahkamah berpandangan persoalan paling penting yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah ini dalam menilai isu hutang dalam perkahwinan yang dituntut oleh Plaintiff ke atas Defendan adalah sama ada tuntutan ke atas Bitcoin ini adalah sah mengikut Hukum Syarak, boleh diurus niagakan dan seterusnya boleh dituntut oleh Plaintiff.

- [12] Pihak-pihak dalam hujahan bertulis masing-masing telah merujuk kepada autoriti yang sama iaitu dengan merujuk kepada ***Bayan Linnas Siri Ke-153 : Hukum Penggunaan Mata Wang Bitcoin*** dalam menghujahkan sama ada bitcoin ini patuh syariah atau pun tidak.
- [13] Pihak-pihak dalam hujahan bertulis masing-masing telah bersetuju tentang definisi Bitcoin sebagaimana berikut:
- 13.1 Bitcoin adalah satu mata wang digital yang telah dicipta oleh Satoshi Nakamoto pada tahun 2009;
 - 13.2 Bitcoin merupakan aset pertama dalam bentuk mata wang kripto atau mata wang digital dan ianya dihasilkan melalui proses penempaan (*mining*) yang memakan masa amat panjang, dengan cara penyelesaian masalah dan formula matematik untuk menghasilkan bitcoin menggunakan peralatan komputer;
 - 13.3 Jaringan blok (*blockchain*) ialah satu lejar awam yang merekodkan segala transaksi Bitcoin yang dapat diakses oleh semua pengguna yang terlibat dengan proses transaksi dan penempaan Bitcoin.
- [14] Mahkamah berpandangan bahawa daripada definisi yang telah dihujahkan oleh pihak-pihak, maka boleh difahami bahawa Bitcoin ini adalah salah satu mata wang digital atau lebih tepat lagi mata wang kripto. Mahkamah seterusnya dalam perkara ini membuat rujukan kepada ***Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah bersidang pada 8 Muharram 1443H bersamaan dengan 17 Ogos 2021*** dan telah memutuskan tentang ***Hukum Matawang Kripto (Cryptocurrency) : Satu Analisa Syarak*** sebagaimana berikut:

“HARUS untuk menjalankan urus niaga menggunakan mata wang digital sama ada sebagai perantara pembayaran (*medium of payment*); pemindahan wang (*remittance*) dan aset simpanan **SEKIRANYA** memenuhi parameter-parameter di bawah.

- a. Urus niaga melibatkan mata wang digital hendaklah dilakukan melalui platform pertukaran mata wang digital berlesen yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti sahaja;
- b. Pengguna hendaklah mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai:
 - i. Jenis, ciri-ciri utama dan risiko berkaitan mata wang digital;
 - ii. Perkara-perkara teknikal yang mencukupi mengenai bagaimana untuk memperoleh mata wang digital dan di mana ia perlu disimpan untuk memastikan keselamatannya;
 - iii. Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh platform pertukaran mata wang digital berlesen yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti; dan
 - iv. Undang-undang dan peraturan yang berkaitan mata wang digital.
- c. Sebagaimana mata wang yang lain, mata wang digital hendaklah tidak digunakan sebagai bayaran kepada barang, perkhidmatan dan aktiviti tidak patuh Syariah seperti pembelian dadah, pelacuran, perjudian dan pendanaan aktiviti keganasan serta penggubahan wang haram.”

- [15] Mahkamah berpandangan melalui keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor tersebut adalah difahami bahawa urus niaga dan transaksi berkaitan dengan Bitcoin adalah **HARUS** sekiranya pihak-pihak yang menjalankan transaksi dapat memastikan perkara-perkara di dalam parameter yang dinyatakan dipatuhi.
- [16] Mahkamah seterusnya membuat rujukan kepada pernyataan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 3 Januari 2014 yang menjelaskan sebagaimana berikut:

“The Bitcoin is not registered as a legal tender in Malaysia. The Central Bank does not regulate the operations of Bitcoin. The public is therefore advised to be cautious of the risks associated with the usage of such digital currency.”

- [17] Mahkamah juga mengambil maklum bahawa pada 27 Februari 2018, Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan **“Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan Untuk Mata Wang Digital (Sektor 6)”** yang bertujuan untuk memastikan bahawa langkah-langkah berkesan disediakan terhadap risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital dan untuk meningkatkan ketelusan bagi aktiviti mata wang digital.
- [18] Namun demikian, Bank Negara Malaysia masih mengingatkan orang ramai bahawa mata wang digital masih tidak sah diperlakukan di Malaysia dan perniagaan mata wang digital tidak dilindungi oleh standard atau pengaturan amalan kehematan dan pasaran yang terpakai kepada insitusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank.
- [19] Melalui rujukan Mahkamah yang Mulia ini ke laman web Bank Negara Malaysia juga mendapati bahawa setakat 6 Januari 2021, sebanyak 56 firma mata wang kripto (*cryptocurrency firm*) yang telah berdaftar dengan Bank Negara Malaysia namun demikian Bank Negara Malaysia masih kekal dengan penyataannya bahawa mata wang digital tidak sah diperlakukan melalui pernyataan-pernyataan sebagaimana berikut:

“BNM does not validate any information declared by reporting institutions, nor endorse the pricing methodologies used by digital currency exchanger.”

“Consumers are advised to exercise the necessary caution and understand risks associated with digital currencies.”

“There will not be any elements of consumer protection or avenues for redress made available in the event of complaints or losses and damages incurred by any parties dealing in digital currencies.”

- [20] Melalui rujukan-rujukan yang dibuat oleh Mahkamah yang Mulia ini, Mahkamah berpandangan bahawa untuk memastikan Bitcoin tersebut boleh dilakukan apa-apa transaksi ke atasnya, maka Plaintiff seharusnya membuktikan kepada Mahkamah yang Mulia ini bahawa akaun Bitcoin yang dituntut oleh Plaintiff mematuhi parameter-parameter yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
- [21] Mahkamah juga mendapati Plaintiff tidak menjelaskan dalam mana-mana plidingnya ataupun mana-mana peringkat dalam prosiding kes ini tentang pematuhan akaun Bitcoin yang dituntut oleh Plaintiff terhadap parameter-parameter yang digariskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor.
- [22] Mahkamah seterusnya mendapati setakat alasan penghakiman ini dibuat, tidak ada platform pertukaran mata wang digital berlesen yang diluluskan dan dikawal selia oleh pihak berautoriti dan tidak ada badan berautoriti yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia yang mengawal selia dan memastikan integriti kewangan digital dikekalkan sebagaimana peranan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia dalam memastikan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif di Malaysia. Walaupun Bank Negara Malaysia mengeluarkan ***Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan Untuk Mata Wang Digital (Sektor 6)***, Bank Negara Malaysia masih secara konsisten menyatakan bahawa mata wang digital kekal tidak sah diperlakukan Malaysia dan pihak-pihak yang terlibat perlu bertanggung jawab ke atas risiko dan kerugian yang berkaitan dengan transaksi mata wang digital.

KEPUTUSAN

MAHKAMAH setelah meneliti dan berpuas hati dengan semua kertas kausa dan hujahan **SERTA** sokongan ekshhibit-ekshhibit dan autoriti-autoriti yang dikemukakan, **MAKA DENGAN INI MAHKAMAH MEMUTUSKAN DAN MEMERINTAHKAN** seperti yang berikut:

- (1) Mahkamah menolak tuntutan Plaintiff, tuntuan balas Defendan dan membatalkan saman 10100-049-0757-2019.
- (2) Mahkamah perintahkan Kos Defendan ditanggung oleh Plaintiff.